



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj Kami : KKM.600-1/3/258 JLD 5 (44)

Tarikh : 15 Ogos 2023

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMANTAPAN PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH TAHUN 2023 : ARAHAN PENGGUNAAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM ORIENTASI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH DI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/ Dato'Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, antara cadangan yang dibangkitkan susulan Laporan Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan pada Ogos 2022 adalah mengenai keseragaman Program Transformasi Minda (PTM) dan Program Orientasi yang dilaksanakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Hospital Latihan SiswaZah (HLS) yang melibatkan Pegawai Perubatan SiswaZah (PPS) lantikan baru.

3. Susulan itu, Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP) telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) pada 16hb November 2022 dan bersetuju agar struktur bagi PTM dan Program Orientasi perlu ditambahbaik. Penyelarasian bagi PTM akan dikendalikan oleh pihak BPL manakala Program Orientasi akan dikendalikan oleh pihak BPP. Seterusnya, satu garis panduan yang baru perlu dikeluarkan pada tahun ini untuk dijadikan sebagai rujukan di peringkat JKN dan HLS.

4. Oleh yang demikian, beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi mendapatkan input dan maklumbalas dari pelbagai pihak seperti BPL, Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Amalan Perubatan, Majlis Perubatan Malaysia, dan wakil-wakil dari HLS bagi menghasilkan garis panduan Program Orientasi yang lebih komprehesif dan seragam. Untuk makluman, maklumat terperinci yang terdapat dalam garis panduan pelaksanaan Program Orientasi PPS adalah seperti di Lampiran 1 dan diringkaskan seperti berikut:

- 4.1 Semua PPS lantikan baru yang tamat menjalani PTM dan melapor diri ke hospital perlu menjalani Program Orientasi selama lima (5) hari bekerja bermula dari jam 8 pagi sehingga 5 petang pada setiap hari. Selain itu, PPS layak diberikan dua (2) hari cuti pada hujung minggu sebelum mereka melapor diri ke jabatan bagi *posting* pertama;
- 4.2 PPS **tidak dibenarkan** untuk menjalani *tagging* di jabatan sepanjang tempoh Program Orientasi dijalankan. Sebaliknya, aktiviti *tagging* hanya akan bermula setelah mereka tamat Program Orientasi dan diberikan penempatan ke jabatan yang bersesuaian untuk menjalani *posting* pertama;
- 4.3 Terdapat 2 segmen utama yang ditekankan sepanjang Program Orientasi iaitu segmen pengurusan dan segmen latihan. Sehubungan itu, pihak hospital perlu memastikan semua slot yang terdapat dalam kedua-dua segmen tersebut dilaksanakan dengan lancar dan berkesan;
- 4.4 Objektif pembelajaran bagi setiap slot telah disediakan dan disenaraikan dalam Lampiran A, manakala tajuk ceramah yang perlu disampaikan pula adalah seperti dalam jadual Program Orientasi di Lampiran B;
- 4.5 Slot bagi **Kursus Basic Life Support** perlu dilaksanakan di luar Program Orientasi dan hospital perlu melaksanakan **kursus tersebut dalam tempoh empat (4) bulan pertama** selepas PPS menjalani Program Orientasi;

- 4.6 Semua pihak yang terlibat termasuk Ibu Pejabat KKM, JKN, Pengarah Hospital, urusetia dan penceramah perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing seperti yang digariskan agar Program Orientasi dapat dilaksanakan dengan tersusun, seragam dan berkesan;
- 4.7 Bagi memastikan pematuhan terhadap pelaksanaan Program Orientasi, maka elemen audit dan pemantauan telah dimasukkan dalam garis panduan ini di mana pihak yang berkaitan perlu menyediakan laporan seperti format yang disediakan di Lampiran C.
5. Sukacita YBhg. Datuk/ Dato'Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan diarahkan untuk melaksanakan Program Orientasi PPS sebagaimana garis panduan yang dilampirkan bagi **pelantikan PPS Bil. 6/2023 dan seterusnya**. Garis panduan ini juga perlu dimaklumkan dan diedarkan kepada semua Hospital Latihan Siswazah dan jabatan yang terlibat dalam Program PPS.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan
Angkatan Tentera Malaysia

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri _____

Semua Pengarah Hospital
Hospital Latihan Siswazah _____

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM ORIENTASI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS) DI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH

Disediakan Oleh:

Unit Pegawai Perubatan Siswazah
Cawangan Perkembangan Profesional Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ogos 2023

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN	2
2. LATAR BELAKANG	2
3. ISU DAN CABARAN	3
4. OBJEKTIF	3
5. PRINSIP PELAKSANAAN.....	4
6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	5
7. AUDIT DAN PEMANTAUAN	7
8. IMPLEMENTASI.....	7
9. LAMPIRAN.....	9

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

1. TUJUAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan penjelasan yang terperinci mengenai tatacara pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah (HLS).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Program Orientasi PPS yang dilaksanakan di hospital merupakan unjuran daripada Program Transformasi Minda (PTM) yang diadakan di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan diwajibkan ke atas semua PPS lantikan baru. Menerusi Program Orientasi, PPS akan diberikan pendedahan awal berkenaan latihan klinikal termasuk pelaksanaan Program PPS dan sistem pengoperasian di peringkat hospital.
- 2.2. Sejak Disember 2013, Ketua Pengarah Kesihatan telah menetapkan supaya semua PPS yang baru melaporkan diri di hospital perlu menjalani orientasi selama 5 hari sebagai pendedahan awal sebelum mereka ditempatkan ke jabatan untuk menjalani latihan siswazah. Seterusnya pelaksanaan Program Orientasi tersebut telah ditambah baik pada tahun 2019 selaras dengan pemantapan Program PPS menerusi Penyeragaman Sistem Waktu Kerja Fleksi PPS di HLS.
- 2.3. Antara cadangan yang disyorkan susulan Laporan Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan yang diedarkan pada tahun 2022 adalah mengenai penyeragaman struktur dan modul yang dilaksanakan dalam Program Orientasi di peringkat hospital.
- 2.4. Susulan itu, Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP) telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), Bahagian Sumber Manusia (BSM), Bahagian Amalan Perubatan, Majlis Perubatan Malaysia, wakil Program Farmasi, dan wakil dari beberapa HLS bagi menyelaraskan semula modul yang terdapat dalam Program Orientasi PPS yang baharu.

3. ISU DAN CABARAN

- 3.1. Tiada Garis Panduan Program Orientasi yang khusus untuk dijadikan sebagai rujukan di peringkat hospital.
 - a) Sejak Program Orientasi diperkenalkan, pelaksanaan berkaitan Program Orientasi di hospital hanya dimaklumkan secara ringkas dalam beberapa garis panduan yang diedarkan pada tahun yang berbeza iaitu:
 - i. Garis Panduan Sistem Waktu Kerja Fleksi yang Dimodifikasi tahun 2013
 - ii. Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit Bagi PPS tahun 2017
 - iii. Garis Panduan Penyeragaman Sistem Waktu Kerja Fleksi tahun 2019
 - b) Perkara ini telah menimbulkan kesukaran kepada pihak hospital untuk membuat rujukan bagi pelaksanaan Program Orientasi.

- 3.2. Pelaksanaan Program Orientasi yang tidak seragam.
 - a) Terdapat beberapa cadangan di peringkat hospital bagi modul yang perlu diberikan perhatian sebagai pengenalan kepada PPS. Hal ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dari segi isi kandungan dan tempoh masa pelaksanaan Program Orientasi yang berlangsung di hospital dan menyebabkan pendedahan yang berbeza-beza diberikan kepada PPS di seluruh negara.

4. OBJEKTIF

- 4.1. Objektif Program Orientasi adalah untuk:
 - a) Memastikan PPS dapat menyesuaikan diri dengan sistem dan persekitaran kerja yang baru di hospital.
 - b) Menyediakan PPS dengan pengetahuan dan latihan klinikal asas sebelum mereka menjalani latihan siswazah.
 - c) Memberi pengenalan mengenai unit pengurusan hospital dan jabatan yang terlibat dengan latihan siswazah di hospital.
 - d) Memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan keselamatan pesakit agar aspek keselamatan pesakit dapat dipertingkatkan.

- e) Menerapkan daya tahan (*resilience*) kepada PPS agar dapat menamatkan latihan siswazah dengan jayanya.

5. PRINSIP PELAKSANAAN

5.1. TAJUK SETIAP SLOT DAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- a) Terdapat dua (2) segmen utama dalam Program Orientasi di peringkat hospital yang meliputi :
 - i. Segmen Pengurusan
 - ii. Segmen Latihan
- b) Setiap segmen tersebut mempunyai slot yang tersendiri.
- c) Senarai tajuk dan objektif pembelajaran bagi setiap slot adalah seperti di **Lampiran A**.
- d) Slot bagi Kursus *Basic Life Support* akan dilaksanakan di luar Program Orientasi dan pihak hospital **diwajibkan** untuk melaksanakan kursus tersebut dalam tempoh **empat (4) bulan pertama** selepas tamat Program Orientasi bagi setiap lantikan.
- e) Jadual Program Orientasi telah disediakan seperti di **Lampiran B**.
- f) Pihak hospital adalah **tidak dibenarkan** untuk mengurangkan atau menambahkan apa-apa slot. Namun begitu, pihak hospital masih diberikan kelonggaran untuk mengubah aturan atau susunan slot dalam jadual mengikut kesesuaian hospital masing-masing dengan syarat mempunyai justifikasi yang kukuh seperti cuti umum dan kekangan masa penceramah.

5.2. TEMPOH

- a) Program Orientasi perlu dilaksanakan selepas PPS melapor diri ke hospital iaitu setelah mereka tamat menjalani PTM di peringkat JKN.
- b) Pelaksanaan Program Orientasi adalah selama lima (5) hari bekerja dan bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga 5.00 petang pada setiap hari.
- c) PPS **tidak dibenarkan** untuk menjalani *tagging* di mana-mana jabatan sepanjang Program Orientasi dijalankan.
- d) Selain itu, PPS juga layak diberikan dua (2) hari cuti pada hujung minggu Program Orientasi tersebut.

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

- e) Sekiranya terdapat cuti umum semasa Program Orientasi berlangsung, pihak hospital perlu menyesuaikan jadual Program Orientasi supaya semua modul yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya pada minggu seterusnya.
- f) PPS perlu melaporkan diri ke jabatan yang telah ditetapkan setelah tamat Program Orientasi bagi menjalani latihan di posting pertama.
- g) Bagi PPS yang bertukar masuk ke hospital baharu (atas sebab pertukaran atau gagal penilaian), pihak hospital perlu memberikan taklimat ringkas selama 1 hari merangkumi **Segmen Pengurusan** yang bersesuaian sahaja. Latihan bagi PPS tersebut akan bermula pada hari seterusnya setelah tamat sesi taklimat.

5.3. TEMPAT

- a) Program Orientasi perlu dilaksanakan di hospital masing-masing dengan kapasiti dan fasiliti yang bersesuaian.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1. Program Perubatan KKM dan Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP), KKM

- i. Memantau dan menilai pelaksanaan Program Orientasi di semua HLS.
- ii. Menerima maklum balas dari pihak JKN dan HLS untuk memantapkan Program Orientasi.
- iii. Memastikan polisi Program Orientasi disesuaikan dengan keadaan dan menambahbaik pelaksanaan dari semasa ke semasa.

6.2. Jabatan Kesihatan Negeri

- i. Memastikan pelaksanaan Program Orientasi di hospital-hospital di bawah negeri masing-masing berjalan dengan jayanya.
- ii. Membuat pemantauan secara berkala mengikut keperluan di semua HLS bagi memastikan Program Orientasi berjalan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- iii. Membantu pelaksanaan Program Orientasi di Hospital Latihan Siswazah.

- iv. Memberi maklum balas kepada BPP KKM mengenai pelaksanaan Program Orientasi di HLS sekiranya terdapat isu yang timbul.

6.3. Pengarah Hospital

- i. Memastikan pelaksanaan Program Orientasi berjalan dengan lancar.
- ii. Memantau dan menasihat urusetia sepanjang Program Orientasi berlangsung.
- iii. Memastikan pelaksanaan Program Orientasi mematuhi garis panduan yang disediakan.
- iv. Mengesahkan laporan audit Program Orientasi.
- v. Memastikan cadangan penambahbaikan diambil tindakan oleh pihak yang berkaitan dan dibincangkan dalam Jawatankuasa Program PPS (JK PPS) di peringkat hospital.

6.4. Urusetia

- a) Program Orientasi di peringkat hospital perlu dikendalikan oleh Unit Sumber Manusia hospital atau Unit Program PPS hospital.
- b) Antara tugas-tugas yang perlu dijalankan adalah seperti berikut:
 - i. Mengadakan mesyuarat persiapan sebelum Program Orientasi berlangsung bagi setiap lantikan PPS baru.
 - ii. Menyelaraskan keperluan fasiliti bagi Program Orientasi seperti bilik mesyuarat/dewan auditorium, penyedian laptop dan projector.
 - iii. Mengenalpasti penceramah yang bersesuaian bagi setiap slot yang disediakan.
 - iv. Menyelaras dan memastikan slaid pembentangan mengikut objektif pembelajaran seperti di **Lampiran A**.
 - v. Menyediakan surat jemputan kepada penceramah yang telah dikenalpasti.
 - vi. Memastikan kehadiran PPS sepanjang Program Orientasi berlangsung.
 - vii. Menyediakan medium komunikasi bagi setiap PPS yang baru melapor diri seperti *whatsapp/telegram group*.
 - viii. Menyediakan laporan bagi setiap sesi Program Orientasi seperti di **Lampiran C**.

6.5. Penceramah

- i. Menyediakan bahan dan slaid ceramah mengikut objektif pembelajaran yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
- ii. Menyampaikan maklumat dengan jelas dan tepat bagi setiap slot yang disediakan.
- iii. Menggunakan kreativiti masing-masing untuk menyampaikan maklumat seperti penggunaan video, simulasi atau latihan amali supaya objektif pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan dan menarik.

7. AUDIT DAN PEMANTAUAN

- 7.1. Bagi memastikan pematuhan kepada pelaksanaan Program Orientasi, pihak urusetia perlu menyediakan laporan bagi setiap Program Orientasi yang dilaksanakan. Format laporan adalah seperti di **Lampiran C**.
- 7.2. Hasil laporan perlu disimpan sebagai rujukan pada masa akan datang. Sebarang cadangan penambahbaikan hendaklah diberi perhatian dan diambil tindakan oleh semua pihak yang terlibat.

8. IMPLEMENTASI

- 8.1. Dengan edaran garis panduan ini, maka semua tatacara pelaksanaan Program Orientasi yang dimaklumkan secara ringkas dalam beberapa garis panduan sebelum ini adalah **TERBATAL**.
- 8.2. Sebarang cadangan atau permohonan akan dipertimbangkan oleh pengurusan tertinggi berdasarkan *case by case basis* dan perkara-perkara yang tidak dijelaskan dalam garis panduan ini akan dibincangkan dan diputuskan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

8.3. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada :

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya.
(U/P: Unit Pegawai Perubatan Siswazah, Cawangan Perkembangan Profesional Perubatan, BPP)

Tel : 03-8883 1110/1088/1107

Email : unitpps@moh.gov.my

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

TAJUK DAN OBJEKTIF PEMBELAJARAN BAGI SLOT DALAM PROGRAM ORIENTASI

SEGMENT PENGURUSAN				
Bil.	Tajuk	Penceramah/Unit bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
1.	Pendaftaran	Unit Sumber Manusia/ Unit Program PPS	1. Pemberian dokumen lapor diri kepada PPS 2. Penyediaan dokumen yang berkaitan	1 jam
2.	Pengenalan kepada Unit Program PPS Hospital	Unit Program PPS/Unit yang menjaga PPS	1. Pengenalan kepada Unit Program PPS 2. Taklimat Program Orientasi 3. Taklimat pelaksanaan Program PPS di hospital (Jawatankuasa Program PPS, buku log, pelanjutan latihan dan penggiliran posting)	1 jam
3.	Pengenalan kepada pihak Pengurusan dan Kewangan	Unit Sumber Manusia/ Unit Kewangan/Unit Komunikasi Korporat/Unit Perhubungan Awam	1. Urusan dokumentasi perkhidmatan 2. Urusan cuti 3. Emolumen dan pembayaran gaji 4. Permohonan tuntutan perjalanan 5. Kehadiran bertugas 6. Kad perakam waktu 7. Pas/Kad Pekerja 8. Sistem HRMIS 9. Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan Sasaran Kerja Utama. 10. Taklimat mengenai urusan ke luar negara 11. Peletakan jawatan dan penamatkan perkhidmatan 12. Pengenalan saluran aduan seperti <i>Myhelp</i> KKM dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) KKM	2 jam
4.	Sesi amanat pengurusan tertinggi hospital	Pengarah/Timbalan Pengarah Hospital/ Unit Program PPS	1. Sesi berkenalan dan kata-kata aluan 2. Visi dan misi hospital 3. Ikrar Akujanji sebagai Penjawat Awam	1 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMENT PENGURUSAN				
Bil.	Tajuk	Penceramah/Unit bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
5.	Saringan kesihatan dan immunisasi	Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Aktiviti pemeriksaan kesihatan dan immunisasi PPS	2 jam
6.	Lawatan ke kawasan hospital	Unit Sumber Manusia/Unit Keselamatan dan Pekerjaan	Memberi pendedahan kepada PPS mengenai lokasi wad, klinik, dewan bedah dan jabatan yang berkaitan.	1 jam
7.	Taklimat rekod perubatan pesakit	Unit Rekod	1. Perkhidmatan di Jabatan Rekod 2. Pengurusan kualiti dan pentadbiran am 3. Pengurusan rekod perubatan 4. Pengurusan medico legal dan laporan perubatan 5. Pengurusan informatik kesihatan (statistik dan casemix)	1 jam
8.	Pengenalan kepada Sistem Pengurusan Maklumat Hospital (Manual/Digital)	Hospital yang beroperasi secara manual: Unit Rekod Hospital yang beroperasi secara digital: Unit Teknologi Maklumat	Hospital yang beroperasi secara manual: 1. Dokumentasi kes dalam fail pesakit 2. Pengurusan rekod pesakit Hospital yang beroperasi secara digital: 1. Fungsi dan operasi IT di hospital 2. Latihan untuk menggunakan sistem di wad	2 jam
9.	Taklimat kesihatan pekerjaan dan pengurusan risiko	Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	1. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta 514 dan jawatankuasa yang terlibat 2. <i>Occupational hazard</i> 3. Garis Panduan Mencegah dan Menangani Kekerasan Terhadap Anggota di Fasiliti KKM 4. <i>Occupational history taking</i>	2 jam
10.	Sesi khas hospital	Terbuka	Sesi ini adalah terbuka kepada pihak hospital untuk mengadakan slot yang bersesuaian bagi PPS mengikut hospital masing-masing seperti Hospital Mesra Ibadah, <i>Pain Free Hospital</i> dan sebagainya berdasarkan keperluan dari semasa ke samasa.	3 jam
11.	Taklimat keselamatan dan latihan kebakaran	<i>Fire Safety Officer/Ketua Penyelia</i>	1. Taklimat Pencegahan kebakaran 2. Pelan evakuasi hospital	1 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMEN LATIHAN				
Bil.	Tajuk Slot	Penceramah/Pegawai bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
1.	Taklimat notifikasi penyakit berjangkit	Unit Kesihatan Awam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 2. Notifikasi penyakit berjangkit yang perlu dilaporkan 3. Unit/Pegawai yang perlu dihubungi 4. Cara notifikasi kes (manual/e-notifikasi) 5. Sistem Maklumat Tibi Kebangsaan (TBIS), KKM 6. Borang-borang yang berkaitan 	1 jam
2.	Pengenalan kepada Jabatan Radiologi	Jabatan Radiologi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan kepada organisasi dan perkhidmatan di Jabatan Radiologi 2. Memahami konsep permohonan pengimejan, senarai semak bagi prosedur dan borang yang berkaitan serta <i>tracing reports</i> 	1 jam
3.	Pengenalan kepada Jabatan Patologi	Jabatan Patologi	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Introduction to Pathology organization and services</i> 2. <i>Diagnostic testing (preanalytic, analytic and post analytic phase)</i> 3. <i>Requesting investigation</i> 4. <i>Forms and labelling</i> 5. <i>Type of blood tube and specimen bottles</i> 6. <i>Tracing reports</i> 7. <i>Rejection criterias, urgent samples and critical results</i> 8. <i>Flow of receiving urgent samples and informing critical result</i> 9. <i>Management of outsource samples</i> 	1 jam
4.	Kesihatan Mental	Kaunselor/Jabatan Psikiatri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengenalan kepada Unit Kaunseling dan perkhidmatan yang disediakan 2. Ujian Psikologi (contoh: <i>Depression Anxiety and Stress Scale-DASS Score</i>). 	1 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMENT LATIHAN				
Bil.	Tajuk Slot	Penceramah/Pegawai bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
5.	<i>Blood transfusion competency training</i>	Jabatan Perubatan Transfusi	<ul style="list-style-type: none"> 1. <i>Introduction to the Hospital blood bank and services</i> 2. <i>To understand the process of requesting blood and component</i> 3. <i>To prevent near misses or transfusion error</i> 4. <i>To understand the management of adverse transfusion reactions</i> 5. <i>Identify the required documentation for a blood transfusion.</i> 6. <i>To apply basic concepts and perform practical simulation of blood transfusion</i> 7. <i>Others: Massive transfusion protocol, Disseminated Intravascular Coagulation (DIC) regime.</i> 	3 jam
6.	<p>Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit (Kursus ini perlu dilaksanakan seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit Bagi Pegawai Perubatan Siswazah Bil. 2 tahun 2018 atau yang terkini)</p>	<i>Experienced Quality Officer, Risk Manager, or Healthcare Professional (Specialist, Medical Officer, Allied Healthcare Professional, Paramedic)</i>	<p><i>Module 1: Introduction and Patient Safety Concept</i></p> <ul style="list-style-type: none"> 1. <i>Understand the burden of patient safety incidents.</i> 2. <i>Understand the basic concept of patient safety.</i> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Definition of patient safety.</i> ii. <i>Factors contributing to patient safety incidents.</i> 3. <i>Prevention of patient safety incidents in clinical settings.</i> 4. <i>Understand patient safety strategies by the Ministry of Health Malaysia.</i> 	1 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMEN LATIHAN				
Bil.	Tajuk Slot	Penceramah/Pegawai bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
		<i>Experienced Surgical based Specialist / Medical Officer who familiar with Safe Surgery Saves Lives Programme</i>	<p><i>Module 2: Safe Surgery</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Understand the importance of practicing safe surgery.</i> <i>Understand how surgical errors can occur.</i> <i>Understand the Safe Surgery Checklist.</i> 	1 jam
		<i>Experienced Specialist / Medical Officer with acceptable communication skills</i>	<p><i>Module 3: Effective Communication for patient safety</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Understand the importance of effective communication.</i> <i>Learn the basic concept of effective communication and its barrier.</i> <i>Understand how effective communication can improve patient safety.</i> 	1 jam
		<i>Experienced Specialist/ Medical Officer who has been trained in Infection Control & Prevention and AMR (e.g. Infectious Disease Physician, Clinical Microbiologist, Senior Medical Officer (UD 48 and above)</i>	<p><i>Module 4: Infection Prevention and Control</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Demonstrate the devastating effects of inadequate infection prevention and control in healthcare settings.</i> <i>Apply required knowledge in preventing and/or minimizing infection.</i> <i>Perform appropriate behaviors required to prevent health care-associated infections.</i> 	1 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMEN LATIHAN				
Bil.	Tajuk Slot	Penceramah/Pegawai bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
		<p><i>Experienced Specialist/ Medical Officer who has been trained in Infection Control & Prevention and AMR (e.g. Infectious Disease Physician, Clinical Microbiologist, Senior Medical Officer (UD 48 and above)).</i></p>	<p><i>Module 5: Antimicrobial Resistance (AMR)</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Understand the flow for requesting investigation, forms and labeling, specimen bottles, and tracing reports.</i> <i>Explain the concept of AMR, the burden of the problem, and its consequences.</i> <i>Educate on the strategies to contain antimicrobial resistance.</i> <i>Explain the role of Junior Doctors in preventing AMR.</i> 	1 jam
		<p><i>Experienced Pharmacist (U44 and above) who received training or has exposure to Medication Safety</i></p>	<p><i>Module 6: Introduction to Pharmacy Department and Medication Safety</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Introduction to pharmacy organization and services (ward, counseling, Therapeutic Drug Monitoring).</i> <i>Hospital formulary and prescribing policies.</i> <i>Medication safety: Adverse Drug Reaction</i> <i>Understand the concept of drug prescription, forms, Dangerous Drug Act, and drug classification.</i> <i>Understand the importance of medication safety.</i> <i>Understand factors related to medication error.</i> <i>Understand good prescribing practices including in computerized systems.</i> 	1 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMENT LATIHAN				
Bil.	Tajuk Slot	Penceramah/Pegawai bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
		Specialist, Experienced Quality Officer, Risk Manager, or Healthcare Professional (Medical Officer (UD 48 and above) Allied Healthcare Professional, Paramedic) who has been trained in Incident Reporting & Learning System	<p><i>Module 7: Incident Reporting and Learning from Error</i></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Understand the basic concept of Incident Reporting and Learning Systems. 2. Understand important definitions in Patient Safety Incident Reporting. 3. Understand the role of Health Care Practitioners in improving Patient Safety through Incident Reporting and Learning Systems. 	1 jam
		Pegawai Penyelaras/Unit Program PPS/Bahagian Sumber Manusia	Ujian Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit	1 jam
7.	<i>Best Practices in General Procedures</i>	Specialist, Experienced Quality Officer /Medical Officer (UD 48 and above), Allied Healthcare Professional, Paramedic	<p><i>To learn the correct method for basic procedures (theory and/or practical).</i></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Venipuncture ii. Intra Venous line insertion iii. Arterial puncture for blood gas sampling iv. Blood Culture & Sensitivity v. Urinary catheterization (male/female) vi. Nasogastric tube insertion vii. Blood Film for Malaria Parasite viii. Perform & interpret Electrocardiogram (ECG) ix. Cardiopulmonary resuscitation (CPR) 	5 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMEN LATIHAN				
Bil.	Tajuk Slot	Penceramah/Pegawai bertanggungjawab	Objektif Pembelajaran	Tempoh Masa
8.	Dokumentasi Klinikal dan Kod Klasifikasi	Unit Casemix / Unit Rekod	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Introduction to Casemix System (Definition, Benefit, Work process, and system workflow)</i> 2. <i>Tools and elements in Casemix</i> 3. <i>Documentation</i> 4. <i>Related forms / Casemix Discharge list in the hospital system</i> 5. <i>Morbidity documentation exercise</i> 6. <i>Mortality documentation exercise</i> 7. <i>PD 301 form and ICD-11 coding</i> 8. <i>Common issues:</i> <ol style="list-style-type: none"> i. <i>Abbreviation</i> ii. <i>Incomplete Diagnosis</i> iii. <i>No Anatomical site written in the diagnosis</i> iv. <i>Difficult to read</i> v. <i>No main diagnosis</i> vi. <i>Improper documentation</i> 	2 jam

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

JADUAL PROGRAM ORIENTASI PPS

Jadual bagi negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya

HARI/MASA	8.00 - 9.00 pagi	9.00 – 10.00 pagi	10.00 – 11.00 pagi	11.00 – 12.00 tengah hari	12.00 – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 3.00 petang	3.00 – 4 .00 petang	4.00 – 5.00 petang
PERTAMA	Pendaftaran	Pengenalan kepada Unit Program PPS Hospital	Pengenalan kepada Pihak Pengurusan dan Kewangan		Sesi amanat Pengurusan Tertinggi Hospital	REHAT	Saringan Kesihatan dan Immunisasi		Lawatan ke kawasan hospital
KEDUA	Taklimat rekod perubatan pesakit	Pengenalan kepada Sistem Pengurusan Maklumat Hospital (Manual/Digital)		Taklimat kesihatan pekerjaan dan pengurusan risiko		REHAT	Sesi khas hospital		
KETIGA	Taklimat Keselamatan dan Latihan Kebakaran	Taklimat notifikasi penyakit berjangkit	Pengenalan kepada Jabatan Radiologi	Pengenalan kepada Jabatan Patologi	Kesihatan Mental	REHAT	<i>Blood Tranfusion Competency Training</i>		
KEEMPAT	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit					REHAT	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit		
KELIMA	<i>Best Practices in General Procedures</i>				REHAT		Dokumentasi Klinikal dan Kod Klasifikasi		



Segmen Pengurusan



Segmen Latihan

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

JADUAL PROGRAM ORIENTASI PPS

Jadual bagi negeri Kedah,Kelantan,Terengganu dan Johor

HARI/MASA	8.00 - 9.00 pagi	9.00 – 10.00 pagi	10.00 – 11.00 pagi	11.00 – 12.00 tengah hari	12.00 – 1.00 petang	1.00 – 2.00 petang	2.00 – 3.00 petang	3.00 – 4 .00 petang	4.00 – 5.00 petang
PERTAMA	Pendaftaran	Pengenalan kepada Unit Program PPS Hospital	Pengenalan kepada Pihak Pengurusan dan Kewangan		Sesi amanat Pengurusan Tertinggi Hospital	REHAT	Saringan Kesihatan dan Immunisasi		Lawatan ke kawasan hospital
KEDUA	Taklimat rekod perubatan pesakit	Pengenalan kepada Sistem Pengurusan Maklumat Hospital (Manual/Digital)		Taklimat kesihatan pekerjaan dan pengurusan risiko		REHAT	Sesi khas hospital		
KETIGA	Taklimat Keselamatan dan Latihan Kebakaran	Taklimat notifikasi penyakit berjangkit	Pengenalan kepada Jabatan Radiologi	Pengenalan kepada Jabatan Patologi	Kesihatan Mental	REHAT	<i>Blood Tranfusion Competency Training</i>		
KEEMPAT	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit					REHAT	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit		
KELIMA	<i>Best Practices in General Procedures</i>					REHAT	Dokumentasi Klinikal dan Kod Klasifikasi	TAMAT	




Segmen Pengurusan



Segmen Latihan

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan
Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

**LAPORAN PROGRAM ORIENTASI PEGAWAI PERUBATAN
SISWAZAH**



Masukkan logo hospital

A. Maklumat

Hospital : _____

Tarikh Program Orientasi : Dari _____ sehingga _____

Bilangan PPS : _____ orang (lampirkan senarai nama)

Tarikh lantikan PPS : _____

B. Pematuhan Pelaksanaan Program Orientasi

Sila bulatkan sama ada 'Ya' atau 'Tidak' bagi setiap aspek penilaian.

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

SEGMENT PENGURUSAN									
Bil.	Tajuk slot	Tarikh slot dilaksanakan	Nama Penceramah/ Pegawai yang bertanggungjawab	Aspek Penilaian				Catatan	
				Mematuhi objektif pembelajaran	Penyampaian yang jelas	Slot berjalan dengan lancar			
1.	Pendaftaran			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
2.	Pengenalan kepada Unit Program PPS Hospital			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
3.	Pengenalan kepada pihak Pengurusan dan Kewangan			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
4.	Sesi amanat Pengurusan Tertinggi Hospital			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
5.	Saringan Kesihatan dan Immunisasi			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
6.	Lawatan ke kawasan hospital			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak
7.	Taklimat rekod perubatan pesakit			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

8.	Pengenalan kepada Sistem Pengurusan Maklumat Hospital (Manual/Digital)			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
9.	Taklimat kesihatan pekerjaan dan pengurusan risiko			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
10.	Sesi khas hospital			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
11.	Taklimat Keselamatan dan Latihan Kebakaran			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	

A. Cadangan Penambahbaikan Bagi Segmen Pengurusan

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

Bil.	Tajuk slot	Tarikh slot dilaksanakan	Nama Penceramah/ Pegawai yang bertanggungjawab	Aspek Penilaian					Catatan	
				Aspek Penilaian		Penyampaian yang jelas	Slot berjalan dengan lancar			
				Mematuhi objektif pembelajaran						
1.	Taklimat notifikasi penyakit berjangkit			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
2.	Pengenalan kepada Jabatan Radiologi			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
3.	Pengenalan kepada Jabatan Patologi			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
4.	Kesihatan Mental			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
5.	<i>Blood transfusion competency training</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
6.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 1: Introduction and Patient Safety Concept</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
7.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 2: Safe Surgery</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
8.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 3: Effective Communication for patient safety</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

9.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 4: Infection prevention and control</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
10.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 5: Antimicrobial Resistance (AMR)</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
11.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 6: Introduction to Pharmacy Department and Medication safety</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
12.	Kursus Kesedaran Keselamatan Pesakit <i>Module 7: Incident reporting and learning from error</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
13.	<i>Best Practices in General Procedures</i>			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	
14.	Dokumentasi Klinikal dan Kod Klasifikasi			Ya	Tidak	Ya	Tidak	Ya	Tidak	

B. Cadangan Penambahbaikan Bagi Segmen Latihan

.....

.....

.....

Garis Panduan Pelaksanaan Program Orientasi Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah

Disediakan oleh,

.....

Nama :

Selaku Ketua Urusetia Program Orientasi

Hospital

Tarikh :

Disahkan oleh,

.....

Nama :

Selaku Pengerusi Jawatankuasa PPS

Hospital

Tarikh :